



— MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG —

MOMEN

2020

SALINAN DIGITAL



SALINAN DIGITAL



MOMENT

SALINAN DIGITAL

SALINAN DIGITAL

Majlis Perbandaran Selayang © 2021

DITERBITKAN OLEH
JABATAN KORPORAT
Majlis Perbandaran Selayang,
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.

MPS tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah daripada penerbitan ini.

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Selayang. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Selayang.

Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

JABATAN KORPORAT
Majlis Perbandaran Selayang,
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6126 5800
Fax: +603-6138 8933
Bebas Tol: 1800-222-677
www.mps.gov.my

SALINAN DIGITAL



— MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG —

MOMEN

— 2020 —

MAMPAN | PROGRESIF | SEJAHTERA

SALINAN DIGITAL



SALINAN DIGITAL

SALINAN DIGITAL

KUNJUNG HORMAT PERSATUAN PEMAJU HARTANAH DAN PERUMAHAN MALAYSIA (REHDA) DAN TENAGA NASIONAL BERHAD

6 JANUARI 2020



MPS telah menerima kunjungan hormat oleh Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) cawangan Selangor yang diketuai oleh Encik Michael Fu pada 6 Januari 2020 bertempat di Bilik Anggerik, Menara MPS pada jam 10.30 pagi.

Tuan YDP kemudian telah menerima kunjungan hormat dari Pengurus Besar Tenaga Nasional Berhad Cawangan Kuala Lumpur, Tuan Ir. Appadurai Sivas. Kedua-dua kunjungan hormat ini memberi ruang kepada MPS untuk bertukar-tukar pendapat serta membincangkan perkara-perkara berbangkit antara REHDA serta TNB.



Momen 10

SALINAN DIGITAL

PELANCARAN TEMA TAHUN 2020 “PERBANDARAN LESTARI” DAN PELAN TINDAKAN RENDAH KARBON MPS

6 JANUARI 2020



BAGI meningkatkan kualiti dan kesejahteraan penduduk di Perbandaran Selayang, MPS telah melancarkan tema “Perbandaran Lestari” bagi tahun 2020 dan juga pelancaran Buku Pelan Tindakan Rendah Karbon MPS pada Perhimpunan Tahun Baharu 2020 yang telah diadakan pada 6 Januari 2020.

Majlis pelancaran di Lobi Menara MPS ini telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, Yang Dipertua MPS dan dihadiri oleh Ahli-Ahli Majlis, pengarah-pengarah jabatan dan kakitangan MPS.





OPERASI PENURUNAN GEGANTUNG HARAM

9 JANUARI 2020

PADA 9 Januari 2020, Yang Berbahagia Dato' Dr. Juhari bin Ahmad, Timbalan yang Dipertua MPS bersama Puan Norhayati binti Ahmad, Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS dan Pengarah Jabatan Korporat telah bersama-sama dalam Operasi Ops Gegantung di kawasan Taman Prima Sri Gombak.

Operasi ini diadakan bagi membuat tindakan penurunan gegantung haram terutamanya melibatkan iklan peminjaman wang berlesen. Operasi yang dijalankan bermula jam 9 pagi ini turut disertai kru rancangan 999 dari stesyen TV3 yang telah membuat liputan khas.

SALINAN DIGITAL

PERASMIAN PENUTUP KEBUN KOMUNITI DAN PERTANDINGAN “EDIBLE GARDEN” MPS 2019

18 JANUARI 2020

MAJLIS Perasmian Penutup Kebun Komuniti dan Pertandingan Edible Garden yang telah dianjurkan pada 18 Januari 2020 merupakan salah satu pengisian program dalam Jawatankuasa Kerja Kejiranan Hijau di bawah Program Local Agenda 21 (LA21). Majlis yang diadakan di Kebun Komuniti JKP Zon 5, Taman Samudera telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS.

MPS telah menyampaikan Anugerah Kebun Komuniti Terbaik 2019 kepada Kebun Komuniti Taman Samudera Gombak, diikuti dengan Kebun Komuniti Kampung Gombak Utara yang mendapat tempat kedua dan Kebun Komuniti Kampung Changkat di tempat ketiga. MPS turut menyampaikan Anugerah untuk Kategori Plot Kebun Komuniti Terbaik Tahun 2019 kepada 5 penerima dan Penyampaian Saguhati Juri kepada 5 Penerima.





Momen 14

SALINAN DIGITAL



PROGRAM JELAJAH KASIH DATO' MENTERI BESAR SELANGOR SEMPERNA TAHUN BARU CINA

24 JANUARI 2020

YAB Dato' Seri Amirudin Bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah hadir menyantuni warga Selayang sempena Tahun Baru Cina di DUN Sungai Tua pada 24 Januari 2020.

Turut hadir, Yang Berusaha Tuan Shamsul Shahril Badliza Bin Mohd Noor, YDP MPS, Yang Berbahagia Dato' Amirul Azizan Bin Abd Rahim, Pegawai Daerah Gombak, Yang Berbahagia Datin Sharifah Salmah Bt Syed Agil, Ahli Majlis MPS dan Yang Berusaha Tuan A. Rahim bin Ahmad Kasdi, Setiausaha Politik Kawasan DUN Sungai Tua.

Pada siri Jelajah Kasih Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor ini, beliau turut berkesempatan menyampaikan sumbangan buah limau Mandarin kepada peniaga di Pasar Selayang Baru.

AUDIT AKSESIBILITI ORANG KURANG UPAYA (OKU)

29 JANUARI 2020

AUDIT Aksesibiliti Orang Kurang Upaya (OKU) telah dijalankan pada 29 Januari 2020, bertempat di Menara MPS. Audit ini bertujuan untuk mengenalpasti kemudahan yang telah disediakan di bangunan pejabat pentadbiran PBT, bangunan-bangunan awam dan taman-taman awam di bawah seliaan PBT.

Audit ini telah diketuai oleh Puan Sarizah Bt Saipin dan En Zuraidi bin Idris dari Bahagian Perunding Kejuruteraan Awam, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan beserta wakil daripada Malaysian Association For The Blind (MAB) dan Persatuan Damai OKU Malaysia.



MAJLIS MERAIKAN PESARA MPS - “JASA DIKENANG, BUDI DISANJUNG”

30 JANUARI 2020



***BAGI** menghargai jasa dan khidmat bakti para pesara, ANULAE Cawangan MPS telah mengadakan Majlis ‘Jasa Dikenang, Budi Disanjung’ bagi meraikan para pesara MPS tahun 2019 yang berlangsung pada 30 Januari 2020 bertempat di Lobi Menara MPS. Majlis penghargaan ini telah dihadiri oleh Yang Berusaha Tuan Shamsul Shahril Badliza Bin Mohd Noor, Tuan YDP MPS, Yang Berbahagia Dato’ Dr. Juhari bin Ahmad, Timbalan YDP MPS dan pengarah-pengarah jabatan. Seramai 13 orang pesara tahun 2019 telah diraikan dan 50 orang pesara MPS 2018 turut dijemput bersama di majlis minum petang ini. Majlis ini diakhiri dengan sesi penyampaian saguhati penghargaan kepada para pesara 2019, tayangan video khas dan persembahan daripada Kumpulan D’Xoras MPS.*

KEJOHANAN BOLING PIALA AHLI MAJLIS MPS ZON 9 “RAKAN KERJA SIHAT”

4 FEBRUARI 2020

KEJOHANAN Boling Piala Ahli Majlis MPS Zon 9 telah diadakan pada 1 Februari 2020 bertempat di Wangsa Bowl, Selayang Mall. Kejohanan ini melibatkan pasukan dari JKP Zon 9, Majlis Perbandaran Selayang, IPD Gombak dan Pasukan Bomba Dan Penyelamat Daerah Gombak. Kejohanan ini diadakan untuk mewujudkan “Rakan Kerja Sihat” dalam kalangan kakitangan agensi-agensi kerajaan melalui semangat kesukanan. Turut hadir sama menyertai kejohanan ini ialah Yang Berusaha Tuan Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS.



LAWATAN ANULAE CAWANGAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

14 FEBRUARI 2020

ANULAE Cawangan MPS telah menerima kunjungan daripada ANULAE cawangan MB Seberang Perai pada 14 Februari 2020 bertempat di Bilik Anggerik, Tingkat 9, Menara MPS. Kunjungan ini telah dihadiri seramai 16 orang yang diketuai oleh Yang Berusaha Encik Mohd Tahir Bin Othman, Pengerusi ANULAE cawangan MB Seberang Perai.

Antara pengisian lawatan ini ialah taklimat mengenai MPS yang disampaikan oleh Encik Ahmad Fauzi Bin Ishak, Timbalan Pengarah Jabatan Korporat MPS dan taklimat mengenai ANULAE Cawangan MPS yang disampaikan oleh Pengerusi ANULAE Cawangan MPS.





OPERASI PENJAJA, PUSAT HIBURAN DAN RUMAH URUT TANPA LESEN

14 FEBRUARI 2020

MPS telah menyita 21 barangan melibatkan kerusi, meja lipat dan khemah penjaja di sekitar Medan Putri, Bandar Tasik Puteri, Rawang pada 15 Februari 2020 yang lalu. Tindakan ini diambil selepas tinjauan mendapati para peniaga sering meninggalkan barangan perniagaan di kawasan berkenaan sehingga menyebabkan kacau ganggu dan masalah kebersihan.



Tindakan sitaan ini dibuat selaras dengan Seksyen 46(1) d di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (halangan Tred di tempat awam dengan meninggalkan barangan perniagaan). Dalam operasi yang sama, MPS turut mengadakan operasi pusat hiburan dan rumah urut di Bandar Baru Rawang.



Operasi besar-besaran ini dilaksanakan selepas MPS mendapati premis berkenaan beroperasi tanpa mendapat lesen yang sah. Operasi ini diketuai oleh Puan Norhayati binti Ahmad, Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS dan 70 anggota penguatkuasa serta pegawai dari Jabatan Pelesenan. Tindakan sitaan dibuat selaras dengan Seksyen 6 (1) Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1995. Dalam operasi ini, MPS telah menyita satu unit meja pool, dua set kayu snooker dan 36 unit bangku bar hitam.



MAJLIS PENYERAHAN NOTIS BORANG 5A DAN SEHARI BERSAMA DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

21 FEBRUARI 2020



PEJABAT Tanah dan Daerah Gombak (PTDG) telah mengadakan Majlis Penyerahan Notis 5A di Balai Penghulu Mukim Batu, Jalan Sungai Tua pada 21 Februari 2020. Majlis ini telah dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, Yang Berhormat Tuan Chua Wei Kiat, Ahli Dewan Negeri Rawang, Yang Berusaha Tuan A.Rahim bin Ahmad Kasdi, Setiausaha Politik DUN Sungai Tua, Yang Berbahagia Dato' Amirul Azizan bin Abd Rahim, Pegawai Daerah, Pejabat Tanah dan Daerah Gombak, Yang Berusaha Tuan Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS, wakil Jabatan Kerja Raya (JKR) Gombak dan wakil Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor (JPS).

Seramai 38 orang penerima di Kampung India Settlement, Gombak telah menerima notis 5A. Bersama Dato' Menteri Besar Selangor di mana beliau telah bertemu rakyat dalam mendengar masalah yang dihadapi oleh masyarakat melibatkan isu tanah dan menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

SAMBUTAN TAHUN BARU CINA PERINGKAT DUN SUNGAI TUA

21 FEBRUARI 2020

YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah hadir ke Rumah Terbuka Tahun Baru Cina 2020 di Gelanggang Bola Keranjang, Selayang Baru. Turut serta dalam majlis ini ialah Tuan Shamsul Sharil Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS, Dato' Dr. Juhari bin Ahmad, TYDP MPS, Dato' Amirul Azizan Bin Abd Rahim, Pegawai Daerah Gombak, Tuan Amir Fazlee, Ahli Majlis Zon 6 MPS dan wakil agensi-agensi kerajaan yang lain. Majlis rumah terbuka ini diserikan dengan tarian tahun baru, Chinese drum performance, tarian kipas dan agihan angpau.



PENILAIAN PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) TAHUN 2020

26 FEBRUARI 2020

MPS telah menerima kunjungan daripada panel penilai Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi Anugerah Pengurusan Pejabat Dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) MPS tahun 2020 pada 26 Februari 2020 bertempat di Dewan Keraian, Menara MPS. Seramai 11 orang panel penilai yang diketuai oleh Encik Jol Bin Jamil telah hadir untuk membuat penilaian mengikut kriteria yang telah ditetapkan.

Penilaian ini bertujuan untuk mengukur prestasi serta memantau pelaksanaan program dan pengurusan sesebuah organisasi. Dalam sesi Exit Conference selepas pengauditan dilaksanakan, MPS telah menerima maklumbalas positif dari panel penilai.





PROGRAM LATIHAN MENEMBAK POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) BERSAMA AGENSI KERAJAAN DAN MEDIA

5 MAC 2020

POLIS Diraja Malaysia (PDRM) Daerah Gombak telah mengadakan program latihan menembak PDRM bersama agensi kerajaan dan media menggunakan senjata api 9mm Ball sempena Peringatan Hari Polis ke-213. Program menembak ini telah disertai oleh YBrs. Tuan Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor, Yang Dipertua MPS dan YBhg. Dato' Dr. Juhari Ahmad, Timbalan Yang Dipertua MPS.



Momen 25

SALINAN DIGITAL



MPS BERI LATIHAN PENANGKAPAN ANJING KEPADA PBT SELANGOR

5 MAC 2020

***PIHAK** Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bersama Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesihatan (JPSPK) MPS telah mengadakan Program Pemantapan Kawalan Haiwan Liar kepada petugas-petugas Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor pada 5 Mac 2020.*

Pada program ini, sesi pendedahan telah diberikan kepada para petugas mengenai aktiviti tangkapan anjing liar dan cara-cara mengurangkan risiko kecederaan kepada haiwan dan petugas apabila berada di lapangan dan seterusnya para petugas dibawa ke lokasi praktikal di Kampung Orang Asli Batu 8, Gombak.

KEJOHANAN BOLING SEMPENA HARI WANITA PERINGKAT MPS 2020

8 MAC 2020

BERSEMPENA dengan sambutan Hari Wanita Sedunia, MPS telah menganjurkan Kejohanan Boling Wanita pada 8 Mac 2020 bertempat di Wangsa Bowl, Selayang Mall. Kejohanan ini telah disertai oleh 30 pasukan terdiri daripada Ahli Majlis MPS, pengarah dan kakitangan wanita MPS, AJK Wanita Zon JKP MPS, PUSPANITA Daerah Gombak dan lain-lain lagi.

Dalam kejohanan ini, Pasukan PUSPANITA Daerah Gombak telah meraih kejuaraan manakala kategori individu dimenangi oleh Puan Norzimah Binti Mohamad Nor daripada pasukan AJK Wanita Zon 6 dengan jatuhan 558 pin.





PERHIMPUNAN BULAN MAC

13 MAC 2020

PERHIMPUNAN bulan Mac MPS telah diadakan pada 13 Mac 2020 yang dihoskan oleh Jabatan Perbendaharaan MPS. Pada majlis ini juga, Yang Berusaha Tuan Haji Adnan Bin Mat, Presiden CEUPACS, telah hadir menyampaikan taklimat mengenai “Cabaran Penjawat Awam Masa Kini” kepada warga MPS.

Pada majlis ini juga MPS telah melancarkan Kaunter Bergerak MPS yang baru yang akan digunakan untuk memudahkan masyarakat untuk membuat urusan berkaitan MPS.





OPERASI BERSEPADU PEMANTAUAN PREMIS PKP FASA 2

30 APRIL 2020

SERAMAI 55 orang anggota termasuk Pegawai MPS bersama anggota dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) Daerah Gombak telah terbabit dalam satu operasi pemantauan premis bagi pematuhan sepanjang tempoh PKP Fasa 2.

Operasi yang bermula pada jam 8 malam ini menyasarkan premis yang tidak mematuhi arahan PKP melibatkan kawasan di Bandar Baru Selayang, Sungai Tua, Kampung Laksamana, Pinggiran Batu Caves, Prima Gombak dan Pasar Borong Selayang.

Semasa rondaan dibuat, anggota Penguatkuasa MPS telah mengambil tindakan dengan menarik lesen sebuah kedai runcit kerana masih beroperasi selepas jam 8 malam. MPS juga turut mengambil tindakan terhadap sebuah kedai rokok elektronik kerana beroperasi tanpa lesen. Satu tangkapan juga telah dilakukan oleh pihak PDRM ke atas seorang individu yang didapati mengingkari arahan PKP.

Kru dari Rancangan 999 dari Stesen TV3 telah turut serta dan membuat liputan khas tentang operasi yang dijalankan ini.



AKTIVITI DISINFEKSI BERSAMA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

2 APRIL 2020

MPS telah menjalankan proses semburan bagi tujuan disinfeksi dengan bantuan pihak bomba di seluruh kawasan MPS terutamanya di kawasan tumpuan orang ramai seperti pasar-pasar awam, kawasan perumahan, taman awam dan juga dewan milik MPS. Semburan Disinfeksi ini dilaksanakan sebagai salah satu inisiatif MPS membantu kerajaan mencegah penularan wabak Covid-19 yang sedang melanda seluruh negara dan dunia.





LAWATAN YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR KE BILIK GERAKAN COVID-19 MPS DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN KHAS COVID-19 DUN SUNGAI TUA

4 APRIL 2020

DATO' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Shari telah turun menyantuni dan berterima kasih kepada petugas barisan hadapan di Gombak dan Selangor, yang berkhidmat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dengan menyerahkan penutup mulut dan hidung serta cecair pembasmi kuman untuk melindungi anggota yang bertugas. Beliau juga telah mengumumkan sumbangan bekalan makanan secara percuma daripada Kerajaan Negeri bermula 1 hingga 14 April 2020 kepada semua petugas barisan hadapan di negeri Selangor yang menjalankan tugas sepanjang tempoh PKP dilaksanakan.



*PETUGAS BARISAN HADAPAN MPS TERIMA SUMBANGAN PERALATAN
PERLINDUNGAN DIRI (PPE)*

7 APRIL 2020

MPS telah menerima sumbangan kelengkapan perlindungan diri (PPE) oleh YB Tuan Muhammad Hilman Bin Idham, Ahli Dewan Negeri Gombak Setia kepada petugas barisan hadapan MPS untuk digunakan sewaktu melaksanakan operasi semburan disinfeksi di kawasan pentadbiran Selayang. Sumbangan ini telah diserahkan sendiri oleh beliau pada 7 April 2020 kepada YBhg. Dato' Dr. Juhari Ahmad, Timbalan YDP MPS di Bilik Gerakan Covid-19 MPS.



OPERASI PEMUTIHAN KAWASAN SEMPADAN DI PASAR BORONG SELAYANG

8 APRIL 2020

***BERIKUTAN** isu penahanan warga asing di kawasan Pasar Borong Selayang ketika penularan wabak Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan, seramai 90 orang anggota penguatkuasa dari MPS telah menyertai satu operasi bersepadu pembersihan dan sitaan ke atas barangan perniagaan yang telah ditinggalkan oleh penaja haram warga asing di tepi Pasar Borong Selayang pada 8 April 2020. Operasi yang diketuai oleh YBhg. Dato' Dr. Juhari Bin Ahmad, Timbalan Yang Dipertua MPS turut melibatkan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) Daerah Gombak dan wakil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.*

ADN RAWANG SUMBANG GERBANG DISINFEKSI

8 APRIL 2020

SEBAGAI tanda sokongan terhadap usaha MPS dalam mengawal penularan wabak Covid-19, YB Tuan Chua Wei Kiat, Ahli Dewan Negeri Rawang telah berbesar hati menyumbang alat gerbang nyah kuman untuk digunakan di laluan masuk Pasar Moden Rawang pada 8 April 2020.

Sumbangan ini bertujuan untuk memudahkan pihak MPS menjalankan kawalan kebersihan dan pematuhan arahan PKP ke atas orang ramai yang datang ke pasar bagi mencegah penularan wabak Covid-19.





SUMBANGAN MAKANAN OLEH SYARIKAT SRI TERNAK SDN BHD

15 APRIL 2020

SYARIKAT Sri Ternak Food Mart Sdn Bhd telah berbesar hati menyampaikan sumbagan berupa makanan kepada petugas barisan hadapan MPS. Sumbagan disampaikan sendiri oleh Pengarah Urusan Sri Ternak Food Mart dan diterima oleh Dato' Dr. Juhari bin Ahmad, Timbalan YDP MPS.



JABATAN KEJURUTERAAN MPS HASIL TEROWONG DISINFEKSI UNTUK PASAR SELAYANG

15 APRIL 2020

MPS terus perkasa melaksanakan inisiatif dalam menangani wabak Covid-19 daripada terus merebak ke kawasan komersil dan tumpuan orang ramai seperti di pasar-pasar awam dengan menghasilkan terowong disinfeksi. Penghasilan terowong disinfeksi ini adalah inisiatif daripada Jabatan Kejuruteraan dan Bahagian Elektrikal MPS dalam pemasangan decon shower yang berfungsi secara automatik dan penyediaan tempat mencuci tangan bagi kegunaan pengunjung yang datang untuk membuat pembelian di pasar.

Sanitizer tunnel ini juga telah dipasang di Pasar Selayang Baru dan Pasar Sri Gombak pada 14 April yang lepas. Inisiatif ini adalah merupakan salah satu langkah tambahan untuk pematuhan kawalan pergerakan sosial bagi memastikan kebersihan semua pengunjung dalam memutuskan rangkaian wabak Covid-19.





MPS BANTU LOGISTIK POS KAWALAN KESELAMATAN

22 APRIL 2020

TUAN YDP MPS telah membuat lawatan ke atas lima pos kawalan keselamatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di sempadan Pasar Borong Selayang pada 22 April 2020 bertujuan untuk melihat keperluan bantuan logistik yang diperlukan. Hasil lawatan, Tuan YDP bersetuju untuk membantu menyediakan tandas bergerak, khemah dan ruang solat yang lebih selesa kepada petugas barisan hadapan yang bertugas di pos kawalan berkenaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. Turut hadir adalah Pengarah Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan, Jabatan Korporat dan Jabatan Perlesenan



KPKT HULUR SUMBANGAN DALAM TEMPOH PKP

22 APRIL 2020

MPS telah menerima sumbangan barangan keperluan makanan harian daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi satu projek bersama Yayasan Food Bank Malaysia (YFBM) pada 22 April 2020 bagi membantu mengurangkan beban rakyat Malaysia yang terjejas semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sumbangan ini telah diagihkan kepada setiap JKP Zon MPS untuk disampaikan kepada keluarga asnaf, golongan B40 dan golongan yang memerlukan .



MPS BERI SUMBANGAN DI KAWASAN PKPD SELAYANG BARU

25 APRIL 2020

***KERAJAAN** telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Daerah pada 25 April 2020 hingga 3 Mei 2020 di kawasan pentadbiran MPS melibatkan enam parcel iaitu Zon A (Jalan Indah 3 dan Jalan Indah 5A, Selayang Indah), Zon B (Jalan Indah 21, Lembah Indah, Selayang Baru), Zon C (Jalan Besar Selayang Baru, Jalan 1 dan Jalan Indah 21), Zon D (Jalan 3, 5, 7 dan 9), Zon E (Jalan 2, 4, 6 dan 8) dan Zon F (Blok A, B dan C, Selayang Makmur).*

Bagi memastikan perintah berkenaan dilaksanakan sepenuhnya, kawalan telah dilakukan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) serta Majlis Perbandaran Selayang (MPS)

Antara sumbangan yang diterima adalah daripada pihak Pasaraya Sri Ternak, Pasaraya NSK dan Ahli Majlis MPS Zon 7. Proses agihan sumbangan telah dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan dibantu oleh petugas dari Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pejabat Tanah Daerah Gombak.

KKM DAN PKD GOMBAK BANTU PENIAGA DAN FRONTLINER MPS JALANI SARINGAN COVID-19

19 MEI 2020

SERAMAI 345 orang melibatkan penyewa dan pembantu dari Pasar Country Home, Pasar Batu Arang dan petugas barisan hadapan MPS telah menjalani saringan Covid-19 yang telah diadakan di Dewan Komuniti MPS, Kundang pada 19 Mei 2020. Turut hadir sama memantau dan menjalani saringan berkenaan adalah Tuan YDP bersama pengarah-pengarah jabatan MPS. Proses saringan ini mendapat kerjasama penuh daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pejabat Kesihatan Daerah Gombak (PKD) yang membantu dan memberi sokongan penuh kepada MPS untuk menjalankan saringan.





SUMBANGAN MENGHARGAI BARISAN HADAPAN PIHAK F&N BEVERAGES SDN. BHD.

19 MEI 2020

F&N Beverages Marketing Sdn Bhd telah menyampaikan sumbangan makanan dan barangan keperluan kepada Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS. Sumbangan ini disampaikan oleh Penyelaras Acara Khas F&N Beverages dan diterima oleh Encik Mohd Zikry bin Zulkifle, Yang Dipertua Kelab Sukan dan Kebajikan MPS. Sumbangan ini seterusnya diagihkan oleh KSDK kepada kakitangan MPS yang kurang berkemampuan dan terjejas akibat PKP.





OPERASI RAYA PKP BERSEPADU BERSAMA TUAN YDP MPS, PDRM DAN KPDNHEP MPS

31 MEI 2020

***POLIS** Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor (KPDNHEP) telah meninjau dan membuat pemeriksaan ke atas empat buah pasar moden di Selayang Baru, Taman Sri Gombak, Rawang dan Bandar Country Homes. Operasi ini dijalankan bagi memantau kepatuhan para peniaga terhadap pematuhan SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta pemeriksaan harga jualan ke atas barangan kawalan oleh KPDNHEP.*

Pada operasi ini, teguran secara lisan berkaitan penambahbaikan ke atas kawalan kemasukan pelanggan di Pasar Selayang Baru telah dibuat memandangkan orang ramai mula berpusu-pusu membuat persediaan menyambut Aidilfitri. Selain itu juga, para peniaga didapati tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga-harga jualan meskipun pasaraya berdekatan yang terlibat dengan HIDE telah ditutup pada beberapa hari yang lepas. Untuk makluman, tiada sebarang tindakan kompaun dikeluarkan memandangkan keadaan pasar yang diperiksa adalah terkawal dan baik.

Operasi yang bermula pada jam 8.30 pagi ini telah melibatkan Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS, Tuan Deveandran A/L Selvaraju, Ahli Majlis Zon 7, pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan, Jabatan Pelesenan, Jabatan Pengurusan Penilaian dan Pengurusan Harta, 18 orang anggota PDRM, 10 anggota KPDNHEP dan 45 orang anggota Penguatkuasa MPS. MPS berharap para peniaga dan pengunjung sentiasa dapat mematuhi SOP yang telah ditetapkan agar rantai pandemik Covid-19 dapat diputuskan. MPS bersama rakan agensi juga akan sentiasa membuat pemantauan dari masa ke semasa agar masyarakat tidak terus leka dan tindakan tegas akan dikenakan kepada mereka yang ingkar.



SALINAN DIGITAL

MPS TERIMA SUMBANGAN 1,000 BOTOL CECAIR NYAH KUMAN

24 JUN 2020

MPS telah menerima sumbangan 1,000 unit botol cecair nyahkuman daripada Filtex Marketing Sdn Bhd. Sumbangan ini merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat berkenaan dalam membantu petugas barisan hadapan menangani penularan wabak Covid-19. Sumbangan ini telah disampaikan oleh Encik Tay Chun Gee, Pengurus Korporat, Filtex Marketing Sdn Bhd dan diterima oleh Tuan YDP.



PROGRAM CAJ KUTIPAN BEG PLASTIK NEGERI SELANGOR

30 JUN 2020

BAGI menyokong usaha kerajaan negeri dalam melestarikan alam sekitar, pada 30 Jun 2020, MPS telah mengadakan Sesi Penyerahan Sijil Penyerahan bagi Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor Tahun 2020. Program ini merupakan kesinambungan untuk meneruskan konsep kutipan 20 sen bagi setiap unit plastik di kaunter bayaran premis-premis perniagaan.

Pasaraya yang terlibat dalam sesi penyerahan sijil ini ialah Pasaraya Aeon Co (M) Bhd, Parkson Corporation Sdn Bhd, Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd, PHD Delivery Sdn Bhd dan 7 Eleven Malaysia Sdn Bhd. Jumlah kutipan beg plastik daripada kesemua premis ini akan digunakan bagi kegunaan program-program berkaitan alam sekitar di negeri Selangor.

Tuan YDP telah berkesempatan menyempurnakan majlis penyampaian tersebut. Turut hadir sama adalah Penolong Setiausaha MPS, Pengarah Jabatan Pelesenan dan pengarah-pengarah jabatan MPS.





GOTONG ROYONG PERDANA EKSA 2020

3 JULAI 2020

GOTONG Royong Perdana EKSA Bil. 1/2020 telah diadakan pada 3 Julai 2020 (Jumaat) bertempat di Dewan Keraian, Tingkat 8, Menara MPS. Perasmian program Gotong Royong Perdana EKSA ini telah disempurnakan oleh Tuan Yang Dipertua MPS bersama-sama Dato' Timbalan Yang Dipertua MPS yang merupakan acara tahunan program EKSA MPS. Fasilitator, Ketua-ketua Zon dan Jawatankuasa Induk EKSA juga turut menghadiri program pada kali ini.

Program Gotong Royong Perdana ini adalah bertujuan bagi persediaan setiap zon dalam menghadapi Audit Dalam EKSA pada 10 hingga 14 Ogos 2020. Selain itu, turut disampaikan Pelekat Penjarakan Sosial kepada setiap zon selaras dengan kehendak Kerajaan bagi mematuhi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Penyampaian hadiah kepada pemenang bagi pertandingan Trash To Treasure juga disampaikan semasa program.



SAMBUTAN HARI PENGUATKUASA MPS KE-38

7 JULAI 2020

SAMBUTAN Hari Penguatkuasa kali ke-38 pada tahun ini telah diadakan pada 7 Julai 2020 di Dataran MPS dan telah dirasmikan oleh Tuan YDP. Turut hadir sama ialah Tuan TYDP, Ahli Majlis, pengarah jabatan dan kakitangan Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS. Majlis telah diserikan dengan acara nyanyian Lagu Negeri Selangor, Lagu Negaraku dan Lagu Korporat MPS dan acara pemeriksaan Kawalan Kehormatan oleh Tuan YDP. Ucapan aluan telah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan disusuli dengan ucapan perasmian oleh Tuan YDP. Acara kemuncak adalah Penyampaian Anugerah Khas kepada anggota penguatkuasa MPS dan diakhiri dengan acara persembahan kawad formasi serta perarakan kenderaan Jabatan Penguatkuasa.

Momen 49

SALINAN DIGITAL



PAID GOMBAK HARGAI KOMITMEN PETUGAS BARISAN HADAPAN MPS

14 JULAI 2020

PEJABAT Agama Islam Daerah (PAID) Gombak dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mengadakan acara penyerahan sijil penghargaan dan sumbangan 550 pek makanan tengah hari kepada petugas barisan hadapan Covid-19 MPS. Majlis yang telah diadakan pada 14 Julai 2020 di Lobi Bangunan Lama MPS ini adalah tanda penghargaan dan terima kasih atas pengorbanan dan komitmen yang telah diberikan oleh petugas barisan hadapan MPS bagi membendung wabak Covid-19 yang melanda negara. Sumbangan makanan tengah hari ini telah disampaikan oleh Tuan Haji Mohamed Tahir bin Abd Manap, Pegawai Tadbir Agama Daerah Gombak dan diterima oleh Tuan YDP.

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MPS TAHUN 2019

22 JULAI 2020

MAJLIS Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2019 telah diadakan di Dewan Keraian, Menara MPS pada 22 Julai 2020. Padatahun ini, seramai 87 orang kakitangan MPS telah menerima Anugerah APC dimana kesemua mereka menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan juga Sijil Simpanan Premium BSN bernilai RM1,000.

Majlis yang diadakan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini telah berlangsung mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara. Pada majlis ini, penyampaian anugerah dilangsungkan secara bersidang. Sebanyak enam sidang penyampaian diadakan melibatkan 20 orang penerima pada setiap sidang.

Turut menerima anugerah ialah seramai 15 orang bakal pesara iaitu 10 orang pesara wajib dan lima orang pesara pilihan bagi Anugerah Jasamu Dikenang yang menerima sijil penghargaan beserta Sijil Simpanan Premium BSN bernilai RM500.





PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MPS TAHUN 2019



BELAKANG DARI KIRI:

MOHD KHAIZUL ADLAN BIN RAMLI, NOR HAZWANI BINTI SANUSI, NOZIE AKMAAR BINTI MOHD, HAZMAN BIN SAJI, NORFADILAH BINTI MUHAMAD MANAWARY, MOHD AZHAR BIN HARON, SITI MAISARAH BINTI AB RAHMAN, MOHD HATTAMIZI BIN AHMAD TAJUDDIN, NURAIZA BINTI MAT KASSIM, NOVRI SYAH PUTRA BIN SYAHRIL, FAZRINA BINTI ASHAARI, AZLAN BIN ABU SAMAH, NURANISYAH BINTI MOHD KAMSANI

DEPAN DARI KIRI :

SITI AISYAH BINTI BORHANNORDIN, ROSMALIZA BINTI OSMAN, MOHAMMAD FAIZ BIN OMAR, DATO' TYDP, TUAN YDP, ROZAIHAN BIN RAMLI, SALIZAH BINTI SAMURI

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MPS TAHUN 2019



BELAKANG DARI KIRI:

NUR SYAHIDAH BINTI JAAFAR, SITI AZLINA BINTI ZAINOR, MOHD ROZAIMI BIN OTHMAN, ROSLINAWATI BINTI ISHAK, AHMAD SHUKRI BIN ZAILAN, MOHD FIRDAUS BIN SANUSI, RIDZUANUDDIN BIN GHAZALLY, MIO FADIL BIN MIO AZLAN, AMIRAH BINTI ZULKIFLI, FARHANI BINTI BAHARUDDIN, NURUL ASYIKIN BINTI ILHAM, UMMI BAIDURI BINTI SAHIBUL YAMIN, RASIDAH BINTI ZAINAL, SITI KHAZIDAH BINTI TORMOJI

DEPAN DARI KIRI :

NG SU HONG@KALIAMAH, SHAFARIL BIN HASSAN, AZMIL BIN HJ HAMID, TN U CHIN ONG, TUAN YDP, FARIS ADIL BIN OMAR SUDI, ISMAISHAM BIN ISMAIL@SUBOH, ROZITA BINTI HARON

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MPS TAHUN 2019



BELAKANG DARI KIRI:

RAJA KRISHNAN A/L SUBRAMANIAM, SELVARAJU A/L LEYCHUMANAN, ALIAS BIN IDRIS, NASRUDIN BIN SHARIFF, ZUKEPALI BIN MAMAT, MOHD RAMLAN BIN ROSLI, OTHMAN BIN ISMAIL

DEPAN DARI KIRI :

MUDZAHAR BIN AZIZ, SAID DON BIN MAT ZAIN, DATO' TYDP, TUAN YDP MPS, KANNAMA A/P KARUPPUSAMY, THERESA A/P ANTONISAMY

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MPS TAHUN 2019



BELAKANG DARI KIRI:

RUZAINI BIN RAZALI, MOHD ZELFI BIN HAMZAH, AMIRUL HAKIM BIN ALIAS, ZUKFLI BIN MAHARUDDIN, AZAHAR BIN NORDIN, MUHAMMAD HAZIZI BIN OMAR, ZAINOL ARIFFIN BIN MOHD TAHIR, MD SAIFUL BIN MD TAIB, OSMAN JAILANI BIN ADAM, ROSLAN BIN IBRAHIM, S. NAGARAJAH A/L SANJEEVI, HAIRUL HISHAM BIN HASSAN, MOHD HAFIZ BIN JUARMAY

DEPAN DARI KIRI :

AHMAD SAMSUDDIN BIN ABD RASHID, SHAHIDAN BIN BASIR, MOHD HILMI BIN AHMAD, TN HAJI AZHAR BIN SAMSURI, TUAN YDP, MALAYAPPAN A/L MARIAPPAN, AMIR HAFIZ BIN NOR AZDUAN, ROSZALIZA BINTI JALIL

*PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MPS TAHUN 2019
DAN PENERIMA ANUERAH KHIDMAT LAMA*



BELAKANG DARI KIRI:

MOHD ABD HAKIM B MD LAZIM, IDRIS B IBRAHIM, RAJENDERAN A/L PARAMESWARAN, SARMMAH A/L SUBRAMANIAM , JRAMAN A/L MUNIANDY

DEPAN DARI KIRI :

NORZARITA BINTI JAAFAR, VERRASINGGAM A/L MANIAM, EN. ABDUL RAZAK BIN AHMAD, TUAN YDP, BALAKRISHNAN A/L MANIAM, BASKARAN A/L SUBRAMANIAM

PESARA MPS TAHUN 2019



BELAKANG DARI KIRI:

RAJA KRISHNAN A/L SUBRAMANIAM, SELVARAJU A/L LEYCHUMANAN, ALIAS BIN IDRIS, NASRUDIN BIN SHARIFF, ZUKEPALI BIN MAMAT, MOHD RAMLAN BIN ROSLI, OTHMAN BIN ISMAIL

DEPAN DARI KIRI :

MUDZAHAR BIN AZIZ, SAID DON BIN MAT ZAIN, DATO' TYDP, TUAN YDP MPS, KANNAMA A/P KARUPPUSAMY, THERESA A/P ANTONISAMY

KEMPEN DERMA DARAH

23 JULAI 2020

***PROGRAM** Derma Darah anjuran Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS bersama ANULAE Cawangan MPS dan Pusat Darah Negara telah diadakan pada 23 Julai 2020 bertempat di Lobi Bangunan Lama MPS.*

Seramai 115 orang kakitangan MPS telah berpeluang menderma darah bagi membantu pembekalan darah untuk tabung Pusat Darah Negara.





PERODUA SERAH SUMBANGAN 3,000 UNIT PELINDUNG MUKA

27 JULAI 2020

SEBANYAK 3,000 unit pelindung muka (face shield) telah disumbangkan oleh PERODUA kepada petugas barisan hadapan MPS serta para peniaga di Pasar Moden Rawang, Pasar Moden Bandar Country Homes, Rawang dan penjaja di kawasan pentadbiran MPS.

Sumbangan telah disampaikan sendiri oleh Puan Sulasi binti Haji Mahadi, Timbalan Pengurus Besar Divisye Komunikasi dan Penjenamaan Korporat PERODUA dan diterima oleh En. Hairuddin Bin Daud, Pengarah Pelesenan MPS.





PENYERAHAN HADIAH DON'T RUSH CHALLENGE 2020

6 OGOS 2020

JAWATANKUASA Induk Promosi EKSA MPS telah menganjurkan Pertandingan Video Pendek EKSA - Don't Rush Challenge. Pertandingan berbentuk penghasilan video ini bertujuan untuk menonjolkan bakat serta kemahiran kreatif dan inovatif peserta di kalangan kakitangan MPS. Juara pertandingan telah dimenangi oleh Zon Nilam, Naib Juara Zon Jed tempat ketiga dimenangi oleh Zon Opal. Tahniah diucapkan kepada semua pemenang.



CERAMAH AGAMA ANJURAN KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPS

7 OGOS 2020

***KELAB** Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS telah menganjurkan Majlis Ceramah Agama khusus untuk kakitangan beragama Islam pada hari Jumaat, 7 Ogos 2020 bertempat di Lobi Menara MPS. Majlis Ceramah Agama yang bertajuk 'Lidah Neraka' itu telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Al-Fadhil Ustaz Haslin Baharim atau lebih dikenali sebagai 'Ustaz Bollywood'. Turut hadir sama ke majlis ceramah ini adalah Tuan YDP, Penolong Setiausaha MPS, Encik Mohd Zikry bin Zulkifle, Yang Dipertua KSDK MPS serta kakitangan MPS. Dalam majlis ini juga turut diadakan penyampaian cenderahati penghargaan kepada 14 orang peserta Program Quran Times anjuran KSDK MPS yang telah diadakan secara dalam talian menerusi laman Facebook MPS pada bulan Ramadan yang lalu.*

MAJLIS MERAIKAN PERTUKARAN TUAN TYDP

7 OGOS 2020

YANG Berbahagia Dato' Dr. Juhari bin Ahmad yang dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah diraikan dalam satu majlis perpisahan khas di Lobi, Menara MPS pada 7 Ogos 2020. Majlis ini diadakan sebagai satu tanda penghargaan kepada beliau yang telah berkhidmat selama 38 tahun di MPS. Sepanjang perkhidmatannya, beliau telah berjaya membawa MPS ke tahap yang lebih efisien dan produktif di samping memberi motivasi dan pimpinan yang dinamik untuk membawa perubahan yang sesuai di MPS.

Beliau juga telah berjaya membawa MPS melakar beberapa kejayaan yang membanggakan melalui hubungan baik dengan Ahli Majlis dan pengurusan serta kakitangan. Ianya meliputi peningkatan prestasi kewangan, program inovasi, sistem penyampaian perkhidmatan dan integriti kakitangan. Selepas acara sesi penyampaian cenderahati, Tuan TYDP seterusnya melakukan thumbprint terakhir dan majlis berakhir dengan acara send off oleh kakitangan.





TAKLIMAT TATACARA PEMBANGUNAN TANAH

12 OGOS 2020

ENAM puluh orang peserta yang terdiri daripada penghulu dan ketua-ketua kampung di kawasan MPS telah hadir ke Program Taklimat Tatacara Pembangunan Tanah di kawasan Pentadbiran MPS pada 12 Ogos 2020 di Le Gardens Pavilion, Bandar Gamuda Garden, Kuang.

Program yang merupakan anjuran bersama Pejabat Tanah dan Daerah Gombak (PTDG) ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan penerangan kepada semua peserta program tentang keperluan aspek pembangunan semasa di kawasan MPS dan perincian berkaitan proses-proses permohonan, pelaksanaan akta-akta yang berkaitan dan dasar-dasar kawalan pembangunan yang digunapakai di peringkat MPS.

Taklimat telah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPS, Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPS, Pengarah Jabatan Bangunan MPS dan wakil Pejabat Tanah dan Daerah Gombak bagi memberi kefahaman kepada para peserta mengenai senario pembangunan dan isu-isu pembangunan di kawasan pentadbiran MPS.







KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT MPS 2020

17 OGOS 2020

***BERSEMPENA** sambutan Hari Kebangsaan Ke-63, MPS telah mengadakan Program Sambutan Kibar Jalur Gemilang di Dataran MPS pada 17 Ogos 2020. Program ini bertujuan untuk menyemarakkan semangat patriotik dan cintakan negara dalam kalangan warga MPS.*

Seperti kelaziman pada setiap tahun, acara penyerahan Jalur Gemilang kepada Ketua WHIP Ahli Majlis telah diadakan dan disusuli dengan acara pemasangan Jalur Gemilang di kenderaan-kenderaan jabatan MPS. Majlis berakhir dengan nyanyian Lagu Jalur Gemilang dan laungan MERDEKA oleh Tuan YDP MPS.

Momen 67

SALINAN DIGITAL





MPS DAN PDRM SITA PREMIS JUALAN MINUMAN KERAS DAN ROKOK SELUDUP

19 OGOS 2020

MPS bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) Daerah Gombak telah menjalankan operasi bersepadu di sekitar Gombak, Selayang, Rawang, Kundang dan Bandar Tasik Puteri pada 19 Ogos 2020. Sebanyak 610 botol telah disita ke atas 3 premis perniagaan dan 13 kompaun dikeluarkan di bawah Seksyen 3(1) Establisymen Makanan 2007 kepada pemilik premis yang tidak mempunyai lesen perniagaan.

Hasil pemeriksaan didapati, premis berkenaan juga tidak mempunyai lesen eksais daripada Pejabat Tanah dan Daerah Gombak. Sebanyak 1,955 kotak rokok seludup pelbagai jenama turut disita oleh PDRM dan seramai 23 orang warga asing yang tidak mempunyai permit kerja yang sah telah ditangkap.



CERAMAH INTEGRITI BERSAMA AADK

21 OGOS 2020

UNIT Integriti dengan kerjasama Unit Dasar, Jabatan Khidmat Pengurusan telah mengadakan taklimat “Penyalahgunaan Dadah Barah Dalam Organisasi” anjuran Seksyen Pengukuhan Integriti dan Tadbir Urus pada 21 Ogos 2020 di Dewan Keraian, Tingkat 8, Menara MPS dengan melibatkan seramai 80 orang peserta yang terdiri daripada sasaran kumpulan B, C dan D setiap jabatan.

Program ini telah disampaikan oleh penceramah jemputan daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Gombak, Ketua Unit Rawatan dan Pemulihan iaitu Puan Shuraiya binti Mohamad Jamili



PELESTARIAN TASIK TEMPLER BERSAMA SETIA ECO

24 OGOS 2020

SETIA Eco telah memilih Tasik Templer sebagai lokasi menjalankan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi aktiviti membersihkan tasik daripada sampah-sarap dan bunga teratai yang tumbuh meliar di dalam tasik berkenaan. Program yang telah diadakan pada 24 Ogos 2020 ini telah dirasmikan oleh Tuan YDP. Turut serta dalam program ini adalah Yang Berhormat Tuan Mohd Sany bin Hamzan, ADUN Taman Templer, Puan Dianne Chan, Pengurus Besar Setia Eco Templer Sdn Bhd, Ahli Majlis Zon 11 MPS, Ahli Majlis Zon 3 MPS dan Pengarah Jabatan Landskap MPS bagi aktiviti melepaskan ikan di tasik.





OPERASI PEMERIKSAAN KILANG BERKAITAN PENCEMARAN AIR SUNGAI GONG

4 SEPTEMBER 2020

MPS bersama Pejabat Daerah dan Tanah Gombak (PTDG) serta Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menjalankan operasi pemeriksaan ke atas kilang di kawasan sekitar Sungai Gong, Rawang yang disyaki menjadi punca kepada kes pencemaran air yang berlaku pada 11 November 2020. Semasa pemeriksaan, pihak PTDG telah menyerahkan Borang 7A (Notis Untuk Memulih Pelanggaran Syarat) atas kesalahan melanggar syarat guna tanah.

MPS juga telah mengeluarkan Notis Pematuhan Syarat Lesen Premis Perniagaan MPS 2020 ke atas 5 buah kilang dimana 4 kilang telah dikenakan tindakan MPS mendapati masih terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab dan tidak mempunyai kesedaran sivik dengan membuang sampah secara haram.

TAKLIMAT BENGKEL PEMBANGUNAN PLAN STRATEGIK

8 SEPTEMBER 2020

TAKLIMAT Bengkel Pembangunan Pelan Strategik MPS 2021-2025 ini telah pun disampaikan oleh Encik Sulaiman bin Husin perunding Akademi PKNS Sdn. Bhd. Taklimat ini juga turut dihadiri oleh Tuan Yang Dipertua, Pengarah-Pengarah, Ahli Majlis yang melibatkan seramai 45 orang peserta.

Antara keberhasilan Taklimat Bengkel Pembangunan Pelan Strategik MPS 2021-2025 pada kali ini adalah Menganalisa kekuatan dan kelemahan Pelan Strategik, Merancang dan menyusun Pelan Strategik 2021-2025, Menyusun dan merangka Pelan Tindakan Jabatan, Memberikan Pendedahan dalam menjayakan Pelan Strategik; dan Mengumpul data-data dan garis panduan pembangunan Pelan Strategik 2015-2025.

Taklimat Bengkel kali ini juga bertujuan bagi persediaan menghadapi Bengkel Penyediaan Dokumentasi Pelan Strategik 2021-2025 MPS yang dijadualkan pada 23 hingga 25 November 2020.





EXIT CONFERENCE AUDIT KEWANGAN

9 SEPTEMBER 2020

PROGRAM Bengkel Dokumentasi MS ISO 9001:2008 telah diadakan pada 15 hingga 17 April 2015 yang bertempat di Hotel Wellness, Seri Kembangan. Penyertaan program melibatkan ketua skop dan ahli dokumentasi MS ISO.

Tujuan bengkel diadakan adalah untuk menyemak dokumen-dokumen serta berharap semua yang terlibat dapat memberikan komitmen terhadap setiap perkara yang dibincangkan.



TAKLIMAT BANCI BERI KEFAHAMAN KEPADA PETUGAS BANCI 2020

10 SEPTEMBER 2020

TAKLIMAT banci ini telah disampaikan oleh penguasa-penguasa daerah kepada 1,361 orang pembanci dengan menerangkan garis panduan dan tatacara untuk banci dijalankan. Pada taklimat ini, Tuan YDP MPS juga turut membuat kunjungan ke semua lokasi taklimat dan menyampaikan amanat kepada semua pembanci untuk mengekalkan komitmen serta telus dalam mendapatkan data dan sentiasa mengamalkan kebersihan diri serta memakai pelitup muka ketika menjalankan tugas. Program Taklimat Banci ini diteruskan dengan Taklimat Pelaksanaan Banci dan pengenalan Sistem e-Census 2020 bersama Ahli Majlis dan wakil Penggerak Belia Tempatan (PeBT) pada 10 September 2020 di Dewan Keraian, MPS disusuli taklimat bersama wakil-wakil dari Skim Pemajuan Strata (JMB/MC) dari seluruh Selayang pada 17 September 2020. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Frankie Albert Anak Antau, Ketua Operasi, Pejabat Operasi Gombak.





SAMBUTAN HARI MALAYSIA PERINGKAT PEBT

16 SEPTEMBER 2020

BERSEMPENA Hari Malaysia, Penggerak Belia Tempatan (PeBT) MPS telah menganjurkan Program Malam Sambutan Hari Malaysia Peringkat Penggerak Belia Tempatan (PeBT) MPS di Dewan Seri Siantan, Batu Caves pada 16 September 2020 yang lalu. Dalam majlis tersebut, YAB Dato' Menteri Besar Selangor turut menyempurnakan pelancaran Generasi Biru Muda selain menyampaikan sumbangan kepada Persatuan Veteran ATM Gombak, Negeri Selangor dan badan-badan NGO yang lain.

Selain majlis makan malam ini, Penggerak Belia Tempatan (PeBT) MPS juga telah mengadakan Program Jelajah Anak Muda COVID PeBT MPS (JAM PeBT MPS) ke beberapa agensi kerajaan iaitu di IPD Gombak, Hospital Selayang dan Balai Bomba Selayang bagi menyampaikan sumbangan keperluan asas kepada petugas barisan hadapan.



TAKLIMAT DAN LATIHAN KEPADA PEMBANCI BAGI DAERAH BANCI SELAYANG

1 OKTOBER 2020

SATU taklimat kepada petugas pembanci yang telah dilantik terdiri daripada sukarelawan dan kakitangan MPS. Pada taklimat ini pembanci telah menerima penerangan dari penyelia masing-masing tentang proses banci, penggunaan Aplikasi Smart CE, etika banci, tuntutan yang boleh dibuat dan perkara lain yang berkaitan.

Taklimat ini telah diadakan serentak melibatkan Daerah Banci Di Bawah Pentadbiran Selayang. Antara dewan yang menjadi lokasi bagi taklimat banci mulai 1-4 Oktober ialah Dewan Beringin Sri Gombak, Dewan Taman Ehsan, Kepong, Dewan Sri Siantan Sungai Tua, Dewan Batu 17, Rawang, Dewan Taman Kanching, Rawang, Dewan Komuniti Kundang Botanic.

Momen 77

SALINAN DIGITAL



PENYERAHAN PELITUP MUKA OLEH KSDK

4 OKTOBER 2020

SESI Penyerahan pelitup muka daripada Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS kepada semua kakitangan telah di sampaikan oleh Encik Mohd Zikry Zulkifle, YDP KSDK kepada Tuan YDP MPS.

Penyerahan pelitup muka yang boleh di cuci ini adalah sebagai tanda keprihatinan pihak KSDK terhadap kesihatan dan keselamatan kakitangan di samping membantu mengurangkan beban dengan menyediakan pelitup muka pakai buang di sepanjang tempoh pandemik ini.





PEMBUKAAN MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN

9 OKTOBER 2020

MESYUARAT telah pun dipengerusi oleh Pengurusan Tertinggi I yang melibatkan Wakil Pengurusan ISO, Project Manager ISMS, Team Leader ISMS, Ketua Pengurusan Risiko, Ketua-Ketua Dokumentasi, Ketua Skop, Ketua-Ketua Audit Dalam dan Urusetia MS ISO yang melibatkan seramai 30 orang kakitangan.

Mesyuarat pada kali ini membentangkan pencapaian Objektif Kualiti Jabatan masing-masing bagi sepanjang Julai 2019 hingga Jun 2020.

Mesyuarat ini juga turut membentangkan perubahan isu luaran dan dalaman, keberkesanan untuk menangani risiko dan peluang.

Mesyuarat juga turut membentangkan laporan aduan, kepuasan pelanggan, laporan ketakakuran, pembentangan tindakan pembetulan dan laporan penemuan Audit Dalam ISO/ISMS yang lepas.

Mesyuarat juga turut membentangkan prestasi pembekal serta kecukupan sumber oleh Jabatan sepanjang Julai 2019 hingga Jun 2020.



TURUN PADANG ISU PENCEMARAN SUNGAI GONG

19 OKTOBER 2020

SATU lawatan turun padang dan sidang media oleh EXCO Pelancongan & Alam Sekitar YB Hee Loy Sian telah diadakan berkaitan isu Pencemaran Sungai Gong. Turun padang yang diadakan di inlet kolam tebatan banjir JPS Sungai Gong Rawang ini telah melibatkan pihak Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Majlis Perbandaran Selayang (MPS) serta Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor). Hasil siasatan mendapati punca pencemaran bau yang dikesan berakhir di alur air Sungai Gong, Rawang yang disyaki bermula dari sebuah syarikat membaiki dan menjual jentera pembinaan.





AUDIT PEMANTAUAN ISO/IEC 27001:2013

27 OKTOBER 2020

Mesyuarat pembukaan Audit Pensijilan Semula ISO 9001:2015 dan Audit Pemantauan ISO/IEC 27001:2013 telah diadakan pada 27 Oktober 2020 dan dipengerusikan oleh Timbalan Yang Dipertua MPS. Pengauditan pada kali ini diadakan serentak bagi memudahkan proses pengauditan dengan lebih teratur dan sistematik. Audit Pensijilan Semula melihat kesemua Skop, Prosedur serta kawalan Pengurusan Risiko yang dilaksanakan di MPS. Manakala bagi Audit Pemantauan ISMS pula bertujuan memantau pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat agar selari dengan Dasar Keselamatan ICT Kerajaan dan selaras dengan hasrat Majlis Perbandaran Selayang (MPS) ke arah pendekatan yang bersistematik dan berstruktur secara selamat dan terkawal bagi menjaga kerahsiaan, menangani risiko terhadap kebocoran serta ketirisan maklumat.

MAJLIS ANGKAT SUMPAH TYDP DAN AHLI MAJLIS MPS

28 OKTOBER 2020

SEKITAR Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan YBr. Tuan Ir Haji Cheremi bin Haji Tarman atas pelantikan sebagai Pemangku Yang Dipertua MPS yang diadakan secara dalam talian pada 28 Oktober 2020.

Seramai lima orang muka baharu telah dilantik sebagai Ahli Majlis MPS bagi sesi 2020-2021. Mereka terdiri daripada Tuan Muhammad Shamsuzzaman bin Mohd. Suhaimi, Zon 9, Pn. Hjh. Salasiah bte Hj. Desa, Zon 19, Pn. Ruhanah bt. Masruki, Zon 5, Tn. Ranjan bin Che' Ros, Zon 20 dan Tn Anuar bin Jasmin, Zon 4. Barisan Ahli Majlis baharu ini telah menyempurnakan lafaz akuan terima jawatan masing- masing di hadapan Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS. Majlis telah berlangsung pada 16 Oktober 2020 yang lalu di Dewan Siantan, Bangunan Lama MPS.







AUDIT ISO DAN ISMS

3 NOVEMBER 2021

AUDIT Pensijilan Semula ISO 9001:2015 dan Audit Pemantauan ISO/IEC 27001:2013 telah diadakan selama tiga (3) hari bermula pada 2 hingga 4 November 2020. Pengauditan bagi kedua-dua sistem pengurusan ini telah diadakan secara kombinasi bagi membolehkan proses pengauditan dijalankan dengan lebih teratur, bersistematik dan dalam masa yang sama dapat mengoptimumkan penggunaan kewangan dan juga masa. Pengauditan ini dilaksanakan adalah untuk memantau sistem-sistem pengurusan di MPS agar ianya berjalan dengan baik dan menepati piawaian standard yang telah ditetapkan. Secara keseluruhannya, MPS telah berjaya mengekalkan Pensijilan ISO 9001 dan Pensijilan Pemantauan ISMS 27001 mengikut keperluan standard bagi meningkatkan keberkesanan operasi dan perkhidmatan yang diberikan.





OPERASI BERSEPADU PEMBANGUNAN TANPA KEBENARAN BERSAMA PDTG GOMBAK

24 NOVEMBER 2020

SEKITAR tindakan perobohan dua bengkel jentera berat yang didirikan di rezab lembangan Sungai Selangor, Rawang pada hari ini. Kesalahan ini adalah di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara iaitu pendudukan secara tidak sah di atas tanah kerajaan. Operasi ini telah diketuai oleh Pejabat Tanah dan Daerah Gombak dan dibantu oleh MPS, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Selangor, Lembaga Urus Air Selangor, Tenaga Nasional Berhad dan Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak.







OPERASI PEROBOHAN BENGKEL JENTERA BERAT BERSAMA YB NG SZE HAN

1 DISEMBER 2020

SATU operasi perobohan satu bengkel jentera berat yang didirikan di atas tanah rezab kerajaan di Sungai Garing, Rawang telah diadakan pada 1 Disember 2020. Kesalahan ini adalah di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara iaitu pendudukan secara tidak sah di atas tanah kerajaan.

Operasi yang turut disertai oleh EXCO Kerajaan Tempatan & Pengangkutan Awam, YB Ng Sze Han ini telah diketuai oleh Pejabat Tanah dan Daerah Gombak dan dibantu oleh MPS, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Selangor, Lembaga Urus Air Selangor, Tenaga Nasional Berhad dan Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak.

HARI INOVASI DAN INTEGRITI

7 DISEMBER 2020

HARI Inovasi dan Integriti peringkat MPS Tahun 2020 pada kali ini telah berlangsung pada 7 Disember 2020 bertempat di Dewan Keraian, Menara MPS.

Pada majlis perasmian tersebut, turut berlangsung Pelancaran Sistem Guna Tanah Rancangan Tempatan (RTMPS) serta penyampaian anugerah dan pencapaian

MPS iaitu penyampaian sijil penghargaan frontliner MPS, penyampaian Anugerah Reward YDP 2019, penyampaian Sijil ISO 90001 dan ISMS 27001, penyampaian Sijil Penarafan Bintang (Star Rating) dan penyampaian Sijil Anugerah Pengurusan Pejabat Cemerlang (APPC).

Majlis yang telah dirasmikan oleh Tuan YDP MPS ini turut dihadiri oleh Timbalan Yang Dipertua MPS serta para pengarah jabatan. Tuan YDP MPS dalam ucapannya berharap warga MPS dapat terus mempraktikkan kaedah-kaedah baharu dan memikirkan idea-idea terkini yang kreatif dan inovatif dengan merekayasa teknologi maklumat dan digital.







SALINAN DIGITAL



OPERASI BERSEPADU PEROBOHAN DAN SITAAN KILANG TANPA KEBENARAN

8 DISEMBER 2020

SEKITAR operasi perobohan dan sitaan melibatkan bengkel jentera berat, bengkel kitar semula dan kandang ternakan lembu yang didirikan di atas tanah rezab kerajaan di Rawang pada hari ini. Kesalahan ini adalah di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara iaitu pendudukan secara tidak sah di atas tanah kerajaan. Operasi ini telah diketuai oleh Pejabat Tanah dan Daerah Gombak dan dibantu oleh MPS, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Selangor, Lembaga Urus Air Selangor, Tenaga Nasional Berhad, Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak dan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Gombak.





BENGKEL PELAN STRATEGIK MPS

9 DISEMBER 2020

DALAM merangka Pembangunan Pelan Strategik MPS bagi tahun 2021 hingga 2025, satu taklimat khas telah diadakan khusus untuk pihak pengurusan MPS. Taklimat ini diadakan adalah sebagai langkah persediaan pihak pengurusan MPS melakukan perancangan strategik MPS bagi tempoh 5 tahun untuk memberikan perkhidmatan perbandaran yang terbaik kepada seluruh masyarakat Selangor. Turut serta dalam taklimat ini ialah Tuan Haji Shamsul Sharil Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS, Tuan Haji Azhar bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS, Ketua-Ketua WHIP MPS, Ahli-Ahli Majlis dan pengarah jabatan MPS.





SAMBUTAN HARA BERSAMA SPRM PBT PERANGI PEMBERI RASUAH'

9 DISEMBER 2020

SURUHANJAYA Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Yayasan Anti Rasuah Malaysia telah mengadakan satu program kerjasama bersama MPS bersempena meraikan sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) 2020 pada 9 Disember 2020. Dengan tema sambutan pada tahun ini iaitu 'PBT Perangi Pemberi Rasuah', sambutan HARA memfokuskan kepada inisiatif-inisiatif oleh pihak SPRM dan Yayasan Anti Rasuah Malaysia bersama PBT di seluruh Malaysia.

Turut hadir sama ialah Tuan YDP, Tuan TYDP, Tuan KPKPJ Nazli Rasyid bin Haji Sulong, Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM, wakil Yayasan Anti Rasuah Malaysia, para pengarah MPS dan delegasi dari SPRM.



SALINAN DIGITAL



OPERASI PEROBOHAN KILANG BATU 17 RAWANG

10 DISEMBER 2020

OPERASI perobohan kilang kitar semula dan kilang pembuatan pintu yang didirikan di atas tanah rezab kerajaan di Batu 17, Rawang telah dijalankan pada hari ini.

Kesalahan ini adalah di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara iaitu pendudukan secara tidak sah di atas tanah kerajaan.

Operasi ini telah diketuai oleh Pejabat Tanah dan Daerah Gombak dan dibantu oleh MPS, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Selangor, Lembaga Urus Air Selangor, Tenaga Nasional Berhad dan Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak



ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC)

15 DISEMBER 2020

MAJLIS Perbandaran Selayang telah memenangi tempat kedua bagi Anugerah Pengurusan Pejabat Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor kategori Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2020. Majlis penyampaian yang diadakan di Foyer, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SUK) pada 15 Disember 2020 ini telah dihadiri oleh Tuan YDP, TYDP dan Pengarah Jabatan Korporat. Kejayaan ini membolehkan MPS membawa pulang hadiah kemenangan berjumlah RM10,000 berserta sijil pengiktirafan dan trofi.



KEMPEN DAFTAR BAYAR DAN MENANG CUKAI TAKSIRAN 2021

21 DISEMBER 2020

MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) telah mengadakan majlis cabutan bertuah untuk pemegang harta yang telah mendaftar dan mengemaskini maklumat bagi menerima bil digital cukai taksiran MPS.

Pertukaran kepada bil digital cukai taksiran ini menghentikan sepenuhnya cetakan bil kertas secara pos bermula tahun 2021 selaras dengan usaha MPS untuk menyokong aspirasi kerajaan Negeri Selangor sebagai sebuah Smart State selain memudahkan urusan orang ramai bagi memastikan pemilik harta mengemaskini maklumat untuk penerimaan bil digital ini, MPS juga telah melancarkan program cabutan bertuah di mana pemegang cukai yang mendaftar dan mengemaskini maklumat di digitalbil.mps.gov.my layak untuk menyertai cabutan bertuah yang diadakan.

Pada sesi cabutan ini, 18 orang pemenang pra cabutan bertuah MPS yang diadakan semasa Majlis Pelancaran Kempen Daftar, Bayar dan Menang Cukai Taksiran 2021 dan Pelancaran Aplikasi MyMPS. Kesemua pemenang ini akan menerima 18 buah telefon pintar.

Sesi cabutan bertuah ini telah disempurnakan oleh Tuan Yang Dipertua di Dewan Keraian, MPS pada 21 Disember 2020.











MAJLIS PERPISAHAN DAN PENGHARGAAN AHLI MAJLIS SESI 2018-2020

29 DISEMBER 2020

LIMA orang Ahli Majlis yang tamat perkhidmatan untuk penggal 2020 telah diraikan pada satu majlis yang diadakan selepas mesyuarat penuh bilangan 12/2020.

Majlis ini adalah sebagai tanda menghargai segala jasa dan sumbangan ahli-ahli majlis ini kepada MPS dan perbandaran Selangor. Ahli-ahli majlis yang diraikan adalah :

Tuan Md. Sabri bin Md. Taib - AM Zon 14

Tuan Ng Kok Chuan - AM Zon 22

Tuan Ng Wei Keong - AM Zon 23

Tuan Mohd Kassim bin Packiry - AM Zon 11

Puan Anfaal bin Saari - AM Zon 3

Tuan Saravanan A/L Muniandy - AM Zon 16



SALINAN DIGITAL

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

 603-6126 5800  603-6138 8933  www.mps.gov.my  aduanmps@mps.gov.my  1-800-222-677
 facebook.com/majlisperbandaranselayang  twitter.com/mpselayang  www.flickr.com/photos/selayangcitycouncil

SALINAN